

Headline	Kabinet, MT UMNO beri perhatian perbahasan perwakilan		
MediaTitle	Utusan Malaysia		
Date	01 Dec 2016	Language	Malay
Circulation	171,663	Readership	563,000
Section	Dlm Negeri	Page No	6
ArticleSize	279 cm ²	Journalist	N/A
PR Value	RM 16,543		



AHMAD ZAHID HAMIDI menerima buku *Transformasi Ekonomi Bumiputera*, program Vendor TNB daripada Ketua Pegawai Korporat TNB, Datuk Wira Roslan Ab. Rahman (dua dari kanan) semasa sesi lawatan ke ruang pameran TNB sempena Perhimpunan Agung UMNO di PWTC, semalam.

Kabinet, MT UMNO beri perhatian perbahasan perwakilan

KUALA LUMPUR 30 Nov. - Barisan kepimpinan UMNO akan meneliti dengan telus dan mengambil langkah proaktif terhadap perkara yang dibangkitkan perwakilan tiga sayap parti itu sepanjang perhimpunan agung pergerakan tersebut hari ini.

Naib Presiden UMNO, Datuk Seri Dr. Ahmad Zahid Hamidi berkata, apa yang dibangkitkan perwakilan ketiga-tiga sayap itu

juga adalah isu yang sangat dekat dengan rakyat yang seharusnya diterajui kerajaan.

Beliau yang juga Timbalan Perdana Menteri mengambil contoh isu kos sara hidup yang menjadi antara kebimbangan utama perwakilan ketiga-tiga sayap yang perlu ditangani segera.

"Dalam isu ini keutamaan kerajanan khususnya Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak adalah

mengatasinya secara berfokus iaitu terus kepada kumpulan sasaran.

"Sebenarnya isu kos sara hidup ini adalah legasi permasalahan yang ditanggung Perdana Menteri daripada dasar-dasar terdahulu dan kerajaan hari ini serta barisan Ahli Majlis Tertinggi UMNO amat prihatin serta cuba membantu kerajaan mengatasinya," katanya dalam sidang akhbar di sini hari ini.